

DEKAN:
DR MARIAM BINTI ABDUL MAJID
TIMBALAN DEKAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN:
DR NASIMAH BINTI ABDULLAH

KETUA PENERBITAN:
DR NORSALEHA BINTI MOHD SALLEH
(KETUA JABATAN USULUDDIN)

Ahli Jawatankusa Buletin FPPI

Mohd Norzi bin Nasir
Siti Mursyidah Binti Mohd Zin
Dr. Mohd Mustaffa bin Jusoh
Dr. Phayilah Yama
Dr. Khairatul Akmar bin Ab.Latif
Dr. Mohd Musa bin Sarip



KOLEJ UNIVERSITI SELANGOR
ISLAM ANTARABANGSA

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

SIRI 1

BULETIN FPPI

"TERKINI DAN BERINFORMASI"

TAHNAH BUAT WARGA FPPI!!!

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) terus memperkasakan bidang penyelidikan yang apabila sebanyak 14 orang pensyarah telah menerima peruntukan terkini penyelidikan dari Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS Fasa 1 2016 berjumlah RM 158,300 yang melibatkan Geran Penyelidikan Inovasi dan Geran Penyelidikan Pertengahan (GPM).

Pemilihan 14 ketua penyelidik projek penyelidikan ini telah melalui saringan awal oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik sebelum diluluskan diperingkat akhir oleh Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan KUIS yang dikoordinasikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria serta garis panduan yang ditetapkan oleh RMC.

Perincian bagi senarai jumlah penyelidikan bagi geran-geran GPIK yang berjaya diperolehi oleh FPPI bagi tahun 2016 sehingga Ogos 2016 adalah seperti berikut:

Geran Penyelidikan Intensif - 18 penyelidik
Geran Penyelidikan Medium (Pertengahan) - 21 penyelidik
Projek Buku IIIT - 1 penyelidik

Selain itu FPPI turut merakamkan tahniah kepada Puan Maffuza Salleh yang berjaya mendapat Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) bagi tahun 2016.

► Sekitar Program Anjuran FPPI



TERKINI DARI FPPI...

TARIKH PENTING FPPI...

- 10 MEI :IRSYAD
- 16-17 MEI: Bengkel Syarahan Interaktif B.Arab Siri II
- 25 MEI:Majlis Dr. Zainora &Dr. Hayati
- 27-29 Mei: ICONAIT 2016
- 1 JUN: Majlis Anugerah Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS
- 24 JUN: Wacana Ilmiah FPPI 2016 (Siri 4)
- 29 JUN: Bengkel Hafazan al-Quran
- 14 JULAI: Anugerah Skim Insentif Penyelidikan , Penulisan & Inovasi Siri 1 2016.
- 25 JULAI: Wacana Ilmiah FPPI 2016 (Siri 5)
- 29 Julai: Mahabbah AidilFitri al-Quds JAQSU
- 2 Ogos: Majlis Hari Raya AidilFitri FPPI
- 4 Ogos: Kuliah Umum: Masa depan B. Arab di Malaysia & Asia Tenggara
- 5 Ogos: Hari Terbuka al-Quran wa al-Qiraat
- 5 Ogos: Wacana Ilmiah FPPI 2016 (Siri 6)
- 6 Ogos: Rehlah dakwah Bersama Mualaf
- 13 OGOS : Konvokesyen KUIS kali ke-19
- 26 Ogos: Program Nasi Lemak Percuma



TAHNIH KEPADA PENERIMA ANUGERAH SKIM INSENTIF Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi!

1. Dr Norsaleha Binti Mohd Salleh (Kategori Jurnal/Scopus)
2. Dr nasimah Binti Abdullah (Kategori Jurnal Berindeks)
3. Mahffuza Binti Salleh (Kategori FRGS)

TAHNIH KEPADA SEMUA PENERIMA ANUGERAH APC 2016!!!

Senarai Nama Penerima Anugerah

- Mohamad Iman bin Ahmad
- Dr Nasimah binti Abdullah
- Dr Md Noor Bin Hussin
- Syarifah Nazirah binti Syed Aqer
- Mohd Mahfuz bin JAafar
- Maffuza Binti Salleh
- Dr Norsaleha Binti Mohd Salleh
- Dr Mariam Binti Abdul Majid

Lagi dan lagi terkini dari FPPI...

MAJLIS PERPISAHAN DR. ZAINORA DAN DR. HAYATI

MEI 2016 - Bertempat di ruang legar auditorium Sheikh Mohammad Ramadan Al-Buti, (foyer) FPPI pihak Lajnah Khairiyah Akademi Islam pada 28hb. Mei 2016 telah mengadakan satu majlis khas bagi meraikan dua orang kakitangan wanita Akademi Islam (FPPI) iaitu Dr. Zainora bt. Daud dan Dr. Hayati bt. Hussain yang merupakan pensyarah di Jabatan Tahfiz dan Qiraat Akademi Islam (FPPI).

Tujuan majlis tersebut adalah sebagai tanda terimakasih dan penghargaan pihak fakulti dan semua kakitangan Akademi Islam (FPPI) kepada kedua mereka yang akan menamatkan perkhidmatan di KUIS dan berpindah ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan.

Majlis perpisahan tersebut yang telah berlangsung bermula dari jam 3 petang hingga 4.30 petang itu telah dihadiri oleh para pensyarah dan pengurusan fakulti serta kedua pihak yang diraikan, dan dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa, Dr. Mat Nor Husin, diikuti oleh Dr. Syukri Abd Rahman, Timbalan Rektor Akademik KUIS dan Dr. Mariam Abdul Majid, Dekan Fakulti Akademi Islam. Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih oleh kedua-dua tetamu yang diraikan iaitu Dr. Zainora bt. Daud dan Dr. Hayati bt. Hussain.

Antara amanat dan harapan yang ingin disampaikan oleh pihak penganjur pada hari itu adalah semoga Dr Zainora dan Dr. Hayati lebih cemerlang berada ditempat baru dan moga ikatan ukhwa yang telah terjalin selama ini akan terus segar berpanjangan dan segala yang baik dijadikan sebagai panduan berpanjangan dan yang buruk dijadikan sempadan dan pedoman.

PROGRAM NASI LEMAK PERCUMA

OGOS 2016- FPPI telah melancarkan Program Nasi Lemak Percuma untuk diberikan kepada pelajar-pelajar KUIS. Majlis ini merupakan majlis yang dianjurkan oleh Sekretariat Kebajikan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Mahasiswa & Alumni. Pelancaran majlis ini telah di rasmikan oleh Dekan FPPI iaitu Dr Mariam binti Abdul Majid.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dengan memberikan makanan secara percuma. Insy Allah program ini akan diadakan secara berkala iaitu dua kali sebulan pada pagi Jumaat bermula jam 8.30 sehingga 9.30 pagi bagi pengedaran 150 bungkus nasi lemak.

Para pelajar yang berkelayakan boleh mendapatkan kupon Nasi Lemak Percuma di pejabat FPPI.



JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG FPPI

JUN 2016 – Bermula pada 1hb. Jun 2016, sebuah jabatan baru telah diwujudkan di bawah Fakulti Peradaban Pengajian Islam yang sebelum ini dikenali sebagai Akademi Islam KUIS. Jabatan baru ini adalah hasil penjenamaan semula selepas penggabungan dua jabatan yang asal iaitu Jabatan Syariah yang sebelum ini diketuai oleh Ustaz Muhamad Ismail bin Abdullah dan Jabatan undang-undang yang sebelum ini diketuai oleh Puan Sharifah Hana binti Abdul Rahman, mempunyai tiga puluh tiga orang tenaga pengajar di dalamnya.

Jabatan ini diterajui oleh ketua Jabatannya yang baru iaitu Ustazah Nor'ainan binti Bahari dengan dibantu oleh tiga ketua program dan seorang koordinator iaitu:

Ketua Program Diploma Pengajian Islam (Syariah), Ustaz Muhamad Ismail bin Abdullah.

Ketua Program Diploma Pengajian Syariah dan Perundangan Islam, Puan Zaini Yusnita binti Mat Jusoh.

Ketua Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang, Puan Sharifah Hana binti Abdul Rahman.

Koordinator Sarjana Syariah dan Muamalat, Ustazah Syaripah Nazirah binti Syed Ager.

Penggabungan dan penjenamaan semula jabatan ini adalah sebagai langkah awal kearah penubuhan sebuah fakulti baru yang berlandaskan pengajian syariah dan perundangan Islam.

Moga kemunculan jabatan baru ini dapat menyumbang kepada kecemerlangan budaya akademik dan kemajuan persekitaran ilmu yang kondusif serta melahirkan para graduan yang mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara. Diharapkan juga agar segala perancangan dan impian tersebut dapat direalisasikan suatu hari nanti dengan izin Allah.

SAMBUTAN MINGGU UNDANG-UNDANG FPPI

JULAI 2016 - Persatuan Mahasiswa Undang-undang dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Undang-undang telah menganjurkan sambutan minggu undang-undang yang diberi nama "**Legal Week**" bermula dari 17 hingga 22 Julai 2016. Sambutan ini yang terbuka kepada semua pelajar pengajian undang-undang Fakulti Pengajian Peradaban Islam peringkat diploma dan sarjana muda ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan informasi berkenaan elemen yang berkaitan dengan perundangan dalam realiti semasa kepada para pelajar.

Aturcara sambutan dimulai dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Rektor KUIS, Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, dan seterusnya majlis menandatangani perjanjian persefahaman MoU yang berlangsung di antara KUIS yang diwakili oleh Dekan FPPI, Dr. Mariam binti Abdul Majid dengan Persatuan Guaman Syarie Malaysia PGSM yang diwakili oleh presidennya Tuan Musa Awang.

Majlis yang berlangsung selama seminggu itu diwarnai dengan berbagai pengisian dan pertandingan, seperti sembang santai yang disampaikan oleh beberapa hakim mahkamah syariah yang merupakan lulusan pengajian syariah dan undang-undang KUIS, berkongsi pengalaman serta nasihat dan perangsang kepada para pelajar yang bercita-cita untuk meneruskan karier dalam bidang perundangan selepas menamatkan pengajian nanti. Juga pertandingan debat undang-undang antara para pelajar Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang, pertandingan poster ilmiah dan sebagainya.

Tahniah diucapkan kepada Persatuan Mahasiswa Undang-undang PMU dibawah seliaan penyarah penasihatnya, Puan Rabi'ah binti Muhamad Serji dan Jabatan Syariah dan Undang-undang di atas kejayaan penganjuran majlis tersebut.

IRSYAD OH IRSYAD

International Conference on Aqidah, Dakwah & Shariah (IRSYAD 2016)

10 Mei 2016 – Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) menganjurkan Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah buat kali keduanya pada tahun 2016. Seminar ini dirancang untuk memberi peluang kepada percambahan idea, perkongsian ilmu dan pengalaman para sarjana dan pakar dalam bidang masing-masing untuk mengenengahkan solusi dan penyelesaian kepada isu dan cabaran semasa era pascamoden.

Antara objektif utamanya adalah memperkasakan peranan akidah, dakwah dan syariah dalam pembangunan ummah di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ia juga adalah untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan akidah, dakwah dan syariah secara teori dan praktikal. Terdapat 3 pembentangan selari dengan penyertaan pembentang melebihi 100 orang tempatan & antarabangsa. Ucaptama disampaikan oleh Datuk Dr. Zulkifli Bin Muhamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sumber: Buku Program IRSYAD2016.

Lima kertas kerja IRSYAD 2016 TERBAIK

10 Mei 2016 - Lima kertas kerja terbaik telah dipilih oleh panel penilai.

Kertas kerja terbaik yang **Pertama** dimenangi oleh **Puan Zanariah Binti Dimon**. Tajuk kertas kerjanya adalah "**Amalan perintah taubah (Istिताbah) bagi permohonan keluarga agama Islam**".

Kertas kerja **kedua** terbaik pulak dimenangi oleh **Dr. Nasimah bt Hj. Abdullah** tajuk *مدى مقرونية النص المترجم: دراسة للتخصص القرآنية المترجمة إلى اللغة الملايوية*.

Manakala kertas kerja **ketiga** dimenangi oleh **Puan Azizah binti Mohd Rapini** yang membentangkan tajuk "**Kedudukan Shahadah dalam statu keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis terhadap asas dan sumber perundangan**".

Dr. Abur Hamdi Usman yang membentangkan tajuk "**Qawa'd Al- Tafsir: Pengekstrakan Ontologi Kata Ganti Nama (Al-Damir) dalam Tafsir Al-Mishbah**" dipilih sebagai pemenang **keempat** dan di tempat yang **terakhir** dimenangi oleh **Puan Suriani Sudi dan Dr. Phayilah Yama** dengan kertas kerja yang bertajuk "**Konsep Spiritual di Al-Quran**".

Sumber: Pengarah IRSYAD2016.



▶ IConAIT TERBAIK !!!!

INTERNATIONAL CONFERENCE ON AQIDAH AND ISLAMIC THOUGHT "IConAIT 2016"

MEI 2016 – Satu seminar peringkat antarabangsa yang bertemakan akidah dan pemikiran Islam anjuran bersama Jabatan Usuluddin, Fakulti Akademi Islam KUIS dan Fakultas Agama Islam, Universitas Muslim Indonesia (UMI) Makassar, Sulawesi Selatan telah berlangsung. Seminar yang mengambil masa selama empat hari iaitu dari 27 hingga 30 Mei, bertempat di Hotel Aryaduta, Makassar, Indonesia, dinamakan **INTERNATIONAL CONFERENCE ON AQIDAH AND ISLAMIC THOUGHT** atau singkatannya "**IConAIT 2016**", dan telah disertai oleh lebih lapan puluh peserta dari dua buah negara.

IConAIT 2016 merupakan program bersempena dengan 20 tahun penubuhan KUIS, selain bertujuan untuk mempromosikan KUIS di arena tempatan dan antarabangsa ianya juga merupakan platform untuk perbincangan intelektual dan dialog cendekiawan di rantau ini dan dunia bagi menerapkan kefahaman terhadap kepelbagaian pendekatan dakwah dari aspek pemikiran, agama dan ideologi di samping menjadikannya sebagai mekanisme untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan kepelbagaian pendekatan dakwah. Antara skop kajian kertas kerja yang dibentangkan adalah:

- Aliran Pemikiran Kontemporari
- Falsafah dan Pemikiran
- Perbandingan Agama
- Teknik Berfikir dalam Islam
- Tasawuf dan Tarekat
- Kajian Teks Bibliografi Usuluddin
- Tauhid Pendekatan Sainifik
- Tokoh Pemikir
- Aqidah dan Politik
- Aqidah dan Pembangunan Komuniti
- Aliran Serpihan Islam

Selain dari sesi pembentangan dan perbahasan kertas kerja, satu perjanjian persefahaman juga telah berjaya dimeterai antara Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPi) dan Fakultas Agama Islam, Universitas Muslim Indonesia (UMI). Para peserta juga berpeluang menikmati keindahan di tepi pantai Makassar dalam satu program santai yang disediakan oleh pihak penganjur.

Tiga Kertas Kerja Terbaik IConAIT 2016

27-30 Mei 2016- Tiga kertas kerja terbaik telah dipilih oleh panel penilai. Penilaian dibuat berdasarkan kepada tema seminar, Paper Ilmiah, menghantar tepat pada masa, mengikut format penulisan, Paper asli, Dapatan kajian yang berimpak pada masyarakat, dan Paper dibentang (bukan sisipan).

Kertas kerja terbaik yang **pertama** dimenangi oleh **En Marlon Pontino Guleng**. Tajuk kertas kerja adalah "**Historical Issue Of Islamization In The Philippines Invaders**".

Manakala kertas kerja **kedua** terbaik dimenangi oleh **Prof Madya Dr Syed Sofian BIN Syed Salim** yang membentangkan tajuk "**Pembinaan Dan Pengujian Kesahan Kandungan Pakar Modul Penggalakan Kebijaksanaan Emosi (PKe)**".

Kertas kerja **ketiga** terbaik pula dimenangi oleh **Dr Abu Zaki Ismail**, tajuk "**Hisab Jummal Dalam Kajian I'jaz Al Quran**".



SANA SINI FPPI....

PENERBITAN "REFLEKSI TEOLOGI ISLAM"

MEI 2016 - Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI) KUIS telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang bertajuk "**Refleksi Teologi Islam: Wacana Intelektual dan Paradigma Baru**" pada bulan Mei 20016.

Buku tersebut merupakan himpunan artikel yang diambil dari penulisan tesis sarjana para pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Jabatan Dakwah Akademi Islam, yang mengutarakan halatuju perbincangan akademik dalam skop kemasyarakatan dan idea pemikiran ini, bertujuan untuk menyumbang dalam usaha menyuburkan budaya penulisan dan kajian ilmiah dalam dunia akademik, terutamanya di KUIS, telah berjaya dicetak sebanyak tujuh puluh lima naskhah.

Berikutan kejayaan dan sambutan yang menggalakkan, pihak Jabatan Dakwah dan Usuluddin, sebuah jabatan baru hasil dari gabungan penjenamaan baru dua jabatan iaitu Jabatan Dakwah dan Jabatan Usuluddin, di bawah kepimpinan ketua jabatannya, Dr. Norsaleha bt Mohd Saleh dan team penerbitannya yang diketuai oleh ketua editorial Dr. Abur Hamdi Usman sedang dalam perancangan untuk menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk "Bahtera Pemikiran Usuluddin".

Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Moga banyak lagi buah tangan yang bakal menyusul yang akan menambahkan lagi semarak budaya wacana dan pemikiran dan menambahkan legasi ilmu di kalangan warga FPPI.

Sumber: Editorial REFLEKSI TEOLOGI ISLAM.

MAJLIS KHATAM AL QURAN UNTUK MUSLIMAT 2016

30 JUN 2016- Majlis khatam Al-Quran diadakan khas untuk para muslimat yang dianjurkan oleh FPPI pada hari khamis, 12:00-1:00 petang bertempat di bilik rehat Pensyarah Lelaki. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dekan FPPI, Dr Mariam Binti Abdul Majid dan sedikit penyampaian tazkirah ringkas oleh ustazah Norul Huda Bakar.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa, salam mahabbah, pemberian bunga telur dan Majalah Al-Manhaj.

Sumber: Lajnat Khairiah FPPI.

